

Buku kupas zaman darurat di Tanah Melayu

BH-18/5/2006

BUKU *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960* adalah pengkisahan secara bergambar pada zaman gerhana yang melingkari sejarah Tanah Melayu ketika darurat (1948 hingga 1960). Buku ini dikarang Lt Kol (B) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows dan diterbitkan AMR Holding Sdn Bhd.

Buku ini mengisahkan pahit maung yang membuka jalan kepada kemerdekaan. Tempoh hitam dalam sejarah awal negara menyebabkan rakyat hidup dalam ketakutan, tetapi akhirnya tewas kepada demokrasi dan keamanan.

Buku berkulit keras setebal 396 halaman ini dibahagikan kepada sembilan bab, menampilkan 1,050 gambar dan 25 peta berwarna, dijual pada harga RM200 senas-kah.

Pengkisahan bermula pada 1930 dengan pembentukan Parti Komunis Malaya (PKM), yang mendakwa berjuang menentang kejahatan kapitalisme dan penjajahan. Perkembangan ideologi komunis terjejas dengan meletusnya Perang Dunia Kedua apabila tentera Jepun menyerang dan menakluki Tanah Melayu yang dijajah British.

PKM berpadu tenaga dengan British untuk menentang pendudukan tentera Jepun dengan menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA), semantara British melengkapkan mereka dengan senjata dan latihan. Apabila perang berakhir, gerila komunis beralih menjadi penentang British dan menggelar diri sebagai Malayan People's Anti British Army.

Komunis sudah tentu musuh penjajah British, tetapi sesiapa juga yang tidak menyokong ideologi mereka turut dianggap sebagai musuh. Gerila komunis mula mensabotaj kehidupan rakyat. Mereka menghukum penduduk tempatan yang bekerja secara langsung atau tidak langsung dengan British.

PKM yang diketuai Chin Peng, menggunakan kekerasan dan keganasan. Matlamat dan impian mereka ialah menukar Tanah Melayu menjadi negara komunis.

Darurat diisytiharkan pada Jun 1948. Pada peringkat awal, komunis mendapat kelebihan taktikal daripada musuhnya yang tidak bersedia, tetapi kerajaan British bertahan dan tampil dengan strategi peperangan mantap.

Ini dapat dilakukan dengan adanya kepimpinan berkarisma seperti Lt Jen Briggs dan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer, yang berkhidmat cemerlang menentang Jepun dalam Perang Dunia Kedua, serta Tunku Abdul Rahman yang ke-

mudian menjadi Perdana Menteri Pertama.

Strategi pertama menentang komunis ialah tindakan balas awam, manakala langkah kedua ialah tindakan ketenteraan. Teras tindakan balas awam ialah kempen 'jiwa dan raga'. Tindakan ketenteraan dilaksanakan tentera Malaysia, polis, pasukan separa tentera dan Orang Asli.

Turut membantu menentang kekejaman penganas komunis ialah pasukan tentera beberapa negara Komanwel seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Fiji dan beberapa negara dari Afrika seperti Kenya, Nyasaland, Uganda dan Rhodesia.

Kerajaan British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 1957. Kemerdekaan Malaysia diperoleh hasil daripada mereka yang terkorban menentang penganas komunis.

Kandungan buku

Bab Pertama: Seeds of Insurgency (Benih-benih Keganasan)

Pembentukan Parti Komunis Malaya (PKM). Meletusnya Perang Dunia Kedua yang membawa kepada pendudukan tentera Jepun. PKM menyertai Britain menentang penjajahan Jepun. Jepun menyerah kalah.

Bab Kedua: Prelude to Emergency (Menjelang Darurat)

PKM menentang perjuangan bersenjata, tetapi menyokong ketidakstabilan perindustrian. Malayan Union tidak berpanjangan. PKM kemudian memilih perjuangan bersenjata dan darurat diisytiharkan.

Bab Tiga: Emergency Declared (Darurat Diisytiharkan)

Kerajaan tidak bersedia menghadapi penentangan. Komunis menyerang sasaran ekonomi. Moral kerajaan pada peringkat terendah.

Bab Empat: Government Countermeasures (Tindak balas kerajaan)


Sir Henry Gurney dan Lt Jen Briggs tiba. Tindak balas kerajaan disasarkan untuk melindungi orang ramai dan mengasingkan penjabat daripada masyarakat. Pengenalan kad pengenalan. Gurney terbunuh dalam satu serang hendap.

Bab Lima: Military Offensive (Gerakan Ketenteraan)

Peraturan Darurat mengembangkan kuasa polis dan tentera. Operasi bersama untuk mengasingkan penjahat. Rancangan Briggs diperkuatkan lagi oleh Templer. Chin Peng terpaksa melarikan diri dari Tanah Melayu.

Bab Enam: Role of Security Forces (Peranan Pasukan Keselamatan)

Polis, Polis Khas dan Polis Bantuan, Skwad Hutan dan Polis Hutan, Home Guard,



MENGENANG SEJARAH: Buku *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960* yang mengisahkan pahit getir perjuangan menentang komunis di Tanah Melayu.

tentera tanah Melayu, British, negara Komanwel dan Gurkha, penjejak Orang Asli dan Senoi Praaq.

Bab Tujuh: The Templer Era (Era Templer)

Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi dan Pengarah Operasi 'Supremo' mewujudkan Cawangan Khas dan gerakan di hutan. Memperkenalkan dasar untuk memenangi hati dan pemikiran rakyat. Kawasan bebas penganas komunis diisytiharkan 'kawasan putih'.

Bab Lapan: Turning Point (Saat Penentuan)

1955 annus mirabilis. Kejayaan operasi

menentang komunis. Parti Perikatan memenangi pilihan raya pertama Persekutuan dan Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri. Rundingan Tunku dan Chin Peng di Baling gagal.

Bab Sembilan: Road to Independence and Victory (Ke Arah Kemerdekaan dan Kejayaan)

Keadaan menyebelahi kerajaan. Persekutuan Tanah Melayu terbentuk pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan menghapuskan kewajaran PKM membuat penentangan bersenjata. Darurat kemudian diisytiharkan tamat.